

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 27 JANUARI 2010**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, Staf-staf Universiti Malaysia Perlis, serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Cao Shang  
Hao, Magandang umaga (Bahasa Filipina), ahroonsawad  
(Thailand).

Ladies and Gentlemen...

- Alhamdulillah, praise be to Allah S.W.T for giving us this opportunity to assemble together **this morning for our Weekly Muster with the Vice Chancellor. Before I proceed further, Let me ask you**, what is the first thing you do when you open your eyes every morning? **As for me, I normally start thinking about the things** that I want to do for that **particular day**.
- Thought and thinking are mental forms and processes, respectively. Thinking allows beings to model the world and to represent it according to their objectives, plans, ends and desires.
- So to achieve what you want, you should have positive thinking. Positive thinking brings inner peace, success, improved relationships, better health, happiness and satisfaction. It also helps the daily affairs of life move

more smoothly and makes life **appear** bright and promising.

- **Positive thinking is contagious.** People around you pick your mental moods and are affected accordingly. Think about happiness, good health and success and you **will be able to make** people like you and **willingly have the** desire to help you, because they enjoy the vibrations that a positive mind emits.
- In order to make positive thinking yield results; you need to develop a positive attitude towards life, expect a successful outcome of whatever you do **and** also take **the** necessary actions to ensure your success.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Saya amat bersyukur kehadrat ilahi kerana pada hari ini kita masih dikurniakan nikmat kesihatan yang baik untuk sama-sama bersenamrobik sambil merapatkan ukhwah yang sedia terjalin. Saya ingin menasihati semua kakitangan saya agar sentiasalah berfikiran positif kerana berfikir secara positif akan menjadikan diri kita sentiasa positif dan akan menghindarkan dari melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan merugikan diri sendiri.

- Sejak akhir-akhir ini pelbagai berita mengenai rasuah sering diperkata didada-dada akhbar dan yang terbaru sekali adalah berkaitan penangkapan 34 orang di lima buah negeri kerana disyaki terlibat dalam aktiviti mencuri dan menyeludup pasir. Difahamkan daripada 34 yang terlibat, beberapa orang adalah penjawat awam.
  
- Justeru itu bagi pendapat saya, sebagai penjawat awam yang memperolehi pendapatan gaji pada setiap bulan adalah memalukan sekiranya terlibat dalam kancah jenayah kolar putih ini. Sebagai Naib Canselor saya ingin menasihatkan semua kakitangan saya agar jangan sesekali melibatkan diri dalam jenayah rasuah kerana ia akan membinasakan diri sendiri dan secara tidak langsung memburukkan nama baik agensi itu sendiri.
  
- Berfikirlah secara waras (think wise) sebelum bertindak kerana keputusan yang kita buat akan menentukan baik dan buruknya pada diri kita.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

- Pada minggu ini UniMAP menerima Lawatan Panel Auditor COPIA yang bermula sejak semalam sehingga hari Jumaat ini. COPIA adalah satu garis panduan yang menilai sistem jaminan kualiti Institut-institut Pengajian Tinggi Malaysia. COPIA dibangunkan dengan membawa masuk amalan baik yang diamalkan Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi dan Lembaga Akreditasi Negara, LAN (kini MQA) berdasarkan input yang telah diberikan pakar dan mereka yang berkepentingan di dalam bidang pengajian tinggi menerusi beberapa siri perbincangan kumpulan fokus. Ia juga telah ditanda aras dengan amalan bijak antarabangsa.
- Suka saya ingatkan kepada semua jabatan dan PTJ yang terlibat agar memberikan kerjasama yang terbaik bagi memastikan kelancaran lawatan berkenaan. Selain itu, pada hari Jumaat ini, pegawai-pegawai Utama universiti, dekan-dekan dan ketua jabatan, timbalan-timbalan dekan, penggerusi rancangan dan pegawai gred 41 ke atas adalah diwajibkan hadir ke Dewan Capitol jam 10.30 pagi bagi menghadiri Mesyuarat Penutup Sempena

Lawatan Panel Auditor COPIA. Dan saya amat mengharapkan kerjasama daripada anda semua.

- Sementara itu pada 2 Februari ini, UniMAP sekali lagi bakal melakar sejarah kerana bakal memiliki satu lagi anjung iaitu Anjung UniMAP Kulim dan akan dirasmikan oleh Tuanku Canselor sendiri. Sebelum ini, UniMAP sudah mempunyai satu anjung iaitu di Kuala Lumpur. Anjung UniMAP ini sebenarnya berperanan sebagai ‘one stop centre’ bagi menghubungkan UniMAP dengan agensi yang berkaitan seperti industri dan juga alumni UniMAP itu sendiri.
- Untuk pengetahuan hadirin, saya mensasarkan Anjung UniMAP Kulim ini akan menjadi pusat tumpuan bagi segala kegiatan khususnya di dalam bidang politik, pendidikan, penyelidikan, ekonomi, hubungan pengantarabangsaan, pelancongan, kebudayaan, kesenian dan sebagainya.
- Dengan tertubuhnya Anjung UniMAP Kulim di Taman Teknologi Tinggi di Kulim ini, diharap dapat menjalankan kerjasama erat dengan pelbagai industri di sekitar Pulau Pinang dan Selatan Kedah. Pejabat ini akan menjadi pusat pertemuan dan penyelarasaran operasi kerjasama

industri, promosi serta kursus-kursus pendek UniMAP yang akan dioperasikan oleh Pusat Kerjasama Industri.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Akhir sekali, saya berharap, mereka yang terlibat sempena majlis perasmian Anjung UniMAP Kulim nanti dapat memberikan kerjasama yang terbaik kerana tetamu yang bakal hadir pada majlis perasmian itu nanti adalah terdiri daripada CEO-CEO dari industri di sekitar Kulim dan Pulau Pinang. Tunjuklah imej yang baik kerana apa yang mereka lihat dan dengar adalah apa yang akan mereka tafsirkan mengenai UniMAP.

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.